

Piawaian pasaran halal

UM 8-5-2007 M/9/0

Oleh NORHAYATI MOHD. NOOH
dan ZAINUN AHMAD

Menyedari keperluan ini, pengusaha tempatan khususnya pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS) perlu memanfaatkan peluang perniagaan yang ada dalam industri halal bagi memperolehi faedah dalam meningkatkan keuntungan kerana bidang ini mempunyai potensi yang besar dalam menjana pendapatan. Jika dilihat penglibatan pengusaha IKS masih kurang dalam industri tersebut kerana dikekangi masalah modal, persaingan, teknologi serta jaringan perniagaan yang lemah di samping kurangnya pengalaman dari aspek pemasaran dalam mengembangkan perniagaan mereka.

Bagi menggalakkan penglibatan pengusaha IKS meneroka pasaran halal, mereka disarankan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dengan mengikuti pelbagai kursus yang boleh memberikan pendedahan tentang kaedah pengurusan yang lebih cekap dalam mencapai ekonomi skala.

Oleh yang demikian, ia dapat membantu memperkukuhkan tahap daya saing IKS dalam mengeluarkan produk atau perkhidmatan yang berkualiti tinggi dari segi reka bentuk pembangunan produk, inovasi dan pengurusan sistem maklumat.

Kini permintaan terhadap pasaran halal yang dijangka meningkat berikutan peningkatan jumlah penduduk yang semakin bertambah sehingga mencecah dua bilion orang dengan 57 buah negara di dunia adalah majoritinya Islam. Ini juga berdasarkan kepada peningkatan jumlah pengguna produk dan makanan halal yang kini berjumlah empat bilion orang

berbanding golongan bumiputera iaitu sebanyak 556 pada tahun 2006.

Apa yang jelas pengusaha-pengusaha bukan Islam telah jauh ke hadapan dari segi pengeluaran dan pemasaran barangan halal ini.

Golongan ini terlebih dahulu membuat kajian mengenai potensi pasaran tersebut berbanding dengan golongan Islam sendiri. Ini berdasarkan kepada kajian kemungkinan mereka ini telah melaksanakan langkah-langkah berkesan untuk menguasai pasaran yang ada di negara Islam.

Di samping itu juga, bagi yang bukan Islam mereka melihat produk halal sebagai lambang kepada kualiti keselamatan dan mutu produk.

maskan dengan melaksanakan pemeriksaan serta pemantauan yang ketat bagi memastikan pengesahan halal yang diberikan kepada IKS dapat diikuti berdasarkan maklumat di dalam Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia dan MS 1500:2004.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna serta Kementerian Kesihatan juga perlu memperhebatkan operasi pemantauan dan pemeriksaan secara meluas dan berterusan untuk memastikan pengusaha IKS yang terlibat dalam sektor makanan halal mematuhi piawai yang telah ditetapkan. Jakim juga perlu mengkaji undang-undang yang sedia ada mengikut perubahan ekonomi semasa.

MALAYSIA kini adalah sebuah negara Islam yang dihormati, progresif dan dipandang tinggi oleh negara Islam yang lain. Ini bukanlah hanya tanggapan biasa tetapi ia telah terbukti dalam hasil kajian di beberapa buah negara Timur Tengah yang menunjukkan bahawa persepsi mereka terhadap Malaysia amat positif dan mengagumkan. Seperti yang diketahui, pasaran halal sering kali dikaitkan dengan sektor makanan namun ia sebenarnya bukan sahaja terbatas kepada produk makanan semata-mata malahan ia turut melebar dalam pembuatan kosmetik, farmaseutik dan makanan kesihatan tambahan di samping barang pengguna yang lain.

Jika diteliti, perkembangan industri halal di Malaysia menunjukkan potensi yang besar dari segi peningkatan keuntungan melalui peluang perniagaan yang boleh diterokai dalam pasaran produk halal ini. Tambahan pula, kini permintaan terhadap pasaran halal yang dijangka meningkat berikutan peningkatan jumlah penduduk yang semakin bertambah sehingga mencecah dua bilion orang

dengan 57 buah negara di dunia adalah majoritinya Islam. Ini juga berdasarkan kepada peningkatan jumlah pengguna produk dan makanan halal yang kini berjumlah empat bilion orang.

Selain itu, negara Asia Tenggara yang merangkumi Malaysia, Singapura, Indonesia, Brunei, Thailand, Filipina, China dan Asia Barat yang merupakan sasaran terbesar bagi pasaran produk halal dengan jumlah 1 bilion penduduk Islamnya. Namun demikian, negara Timur Tengah seperti Saudi Arabia, Emiriyah Arab Bersatu (UAE) dan lain-lain negara Timur Tengah juga merupakan pasaran yang besar untuk produk halal ini berikutan permintaan yang tinggi dalam import produk makanannya. Ini secara tidak langsung hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai peneraju hab halal terkemuka menjelang 2010 di dalam pengeluaran dan pengedaran produk halal akan terlaksana.

Lantaran itu, penganjuran Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS) dapat dijadikan platform perdagangan untuk mempromosikan produk halal yang akan diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) pada 9 hingga 13 Mei ini. Penganjuran kali ini dijangka dapat menarik lebih ramai pengunjung tempatan dan antarabangsa dalam menjalinkan kerjasama di antara negara-negara yang terlibat.

Usaha giat yang dimainkan oleh kerajaan dalam membangunkan industri halal ini sememangnya memberi gambaran positif dalam peningkatan pendapatan negara.

Selain itu, bantuan dan insentif yang diberikan perlu dilaksanakan dengan sebaik-baiknya dalam mencipta peluang perniagaan agar membolehkan setiap pengusaha di sektor IKS dapat mengingkatkan produktiviti dan kualiti produk yang dikeluarkan.

Industri halal tempatan ini mudah diperluaskan pada peringkat antarabangsa apabila mendapat sokongan dana daripada perbankan Islam. Dengan adanya dana yang disumbangkan maka pengusaha IKS boleh meningkatkan output pengeluaran melalui perancangan perniagaan serta pembangunan teknologi.

Kerjasama di antara syarikat IKS ini ia boleh menggerakkan dan menyatukan hubungan perdagangan dalam jangka masa panjang dengan melibatkan diri dalam perbincangan dan pembentangan perniagaan yang dianjurkan oleh agensi dan badan perakuan halal yang berkaitan.

Justeru, pengusaha IKS perlu berusaha merebut peluang dalam meningkatkan taraf ekonomi terutamanya kepada golongan bumiputera yang sedikit ketinggalan daripada pengusaha bukan Islam yang telah begitu jauh ke hadapan dari segi pengeluaran dan pemasaran barangan halal.

Menyentuh kepada penyertaan, jumlah pengusaha bumiputera hanya meliputi 35.24 peratus dan 64.75 peratus pula adalah pengusaha bukan bumiputera. Bagi industri kecil yang dijalankan oleh golongan bukan bumiputera adalah lebih besar iaitu 913 permohonan

Tambahan lagi, peningkatan jumlah penyertaan pengusaha dalam pasaran halal ini adalah ekoran daripada pasaran produk halal yang tidak terhad kepada negara Islam sahaja.

Permintaan terhadap pasaran halal dijangka meningkat dengan ketara, kesan daripada peningkatan jumlah penduduk Islam seluruh dunia dan trend umat Islam kini yang semakin sedar tentang kepentingan dalam pengambilan makanan dan produk halal hasil daripada tahap pendidikan umat Islam yang semakin memberangsangkan. Begitu juga dari segi kategori penambahan syarikat, baik yang bertaraf multinasional, industri kecil dan sederhana mahupun yang berskala kecil.

Perubahan jumlah permohonan yang meningkat ini membolehkan usahawan tempatan meneroka pasaran Islam setempat dan juga di peringkat antarabangsa bagi mewujudkan persaingan yang lebih baik. Aktiviti Pameran Perdagangan Antarabangsa Halal Malaysia (MIHAS) dan Forum Halal Sedunia (WHF) yang dianjurkan setiap tahun juga merupakan inisiatif untuk mempromosikan produk halal. MIHAS dan WHF memberi peluang kepada pengeluaran produk dan pembekal perkhidmatan halal dari seluruh dunia untuk menjalinkan usaha sama dan perkongsian strategik dalam perdagangan produk halal ini.

Manakala dari segi pembangunan standard dan piawaian dalam mengembangkan penguasaan pasaran halal, pemberian logo halal Jakim perlu diperke-

Selebihnya, kesedaran pelbagai pihak tentang keperluan dalam melahirkan usahawan yang berkemampuan dan bertaraf antarabangsa serta pekerja mahir perlulah diperhebatkan.

Dalam pembangunan pesat ekonomi semasa, keperluan dalam meningkatkan penyertaan bumiputera dalam kegiatan perindustrian dan perdagangan di samping memenuhi hasrat dan objektif pembangunan negara serta merealisasikan Wawasan 2020 juga telah menjadi satu kesedaran umum.

Penubuhan satu Kementerian baru dalam kabinet kerajaan Malaysia selepas pilihanraya 1995, iaitu Kementerian Pembangunan Usahawan telah membangunkan kesedaran dan keperluan ini.

Selaras dengan itu juga, pelbagai pihak telah mula menyedari bahawa satu langkah penting dalam mencapai hasrat ini ialah melalui bantuan dan sokongan kepada pembangunan IKS.

Kadar pembangunan ekonomi semakin pesat, pertumbuhan sektor perkilangan yang meyakinkan dan wawasan negara ke arah negara perindustrian 2020, ternyata memerlukan sokongan dan sumbangan IKS yang lebih besar dan bermakna.

Selaras dengan itu Malaysia dapat meningkatkan perubahan dalam pengeluaran berasaskan komoditi negara ke peringkat global dalam eksportnya. Hal ini kerana Malaysia sudah mempunyai landasan yang baik dengan pencapaian pertumbuhan ekonomi yang stabil dan mempunyai hubungan dagangan yang baik antara negara-negara anggota.